

25/10/2002

Malaysia boleh wujudkan akta baru tangani isu air

Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar; Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU, Khamis - Malaysia bukan ketandusan cara dan kaedah dalam menyelesaikan isu bekalan air mentah ke Singapura walaupun republik itu berbolak-dalik sekian lama.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata antara kaedah yang boleh diambil Malaysia ialah mewujudkan undang-undang menerusi akta Parlimen yang menentukan status dan masa depan bekalan air yang ada di seluruh negara.

Katanya, menerusi akta itu, dunia luar tidak boleh mempersoalkan apa saja yang dilakukan kerajaan Malaysia dengan aset airnya.

"Saya menganjurkan Singapura kena faham kita berkebolehan berbuat demikian (mewujudkan akta baru). Malaysia boleh meneroka perundangan sendiri dan ini adalah kemungkinan besar saya kira jika apa yang ditawarkan Singapura tidak masuk akal.

"Apa yang jelas air ialah aset Malaysia dan tidak ada kuasa lain yang boleh mengambil hak itu jika syarat keperluan negara tuan punya tidak dihormati," katanya di Hotel Hyatt Regency di sini, hari ini.

Rais mengulas tindakan yang boleh dilakukan Malaysia jika Singapura terus berbolak-dalik dan tidak bersetuju dengan tawaran harga baru bekalan air mentah ke republik itu.

Akhbar sebelum ini melaporkan penyelesaian isu air itu akan dibawa ke proses timbang tara di menerusi Mahkamah Tetap Timbang Tara di The Hague, Belanda jika perundingan kedua-dua pihak tidak mencapai persetujuan.

Ditanya mengenai kedudukan perjanjian air yang ditandatangani pada 1960 dan 1961 jika wujudnya akta baru itu, Rais berkata, perjanjian itu terbatal dan mungkin Singapura akan menyusul untuk mendapatkan pampasan.

"Undang-undang Malaysia tetap undang-undang ulung dan ia mengatasi semua perjanjian dibuat," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata tindakan Singapura menurunkan tawaran harga pembelian air mentah kepada 12 sen membuktikan pemimpin negara itu tidak bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan isu itu.

"Bagi saya cara mereka mengendalikan isu air memang tidak memuaskan. Untuk mengatakan ia satu penghinaan, saya tidak mahu kata begitu. Ini kerana isu air telah dibincangkan sekian lama.

"Apa yang mereka (Singapura) lakukan sekarang ialah sengaja melengah-lengahkan usaha penyelesaian dan menunjukkan tidak ada komitmen di pihak mereka untuk benar-benar menyelesaikan isu itu.

"Apa yang pasti saya benar-benar tidak berpuas hati dengan cara perbincangan ini berjalan terutamanya di pihak Singapura," katanya selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan Gerakan Belia 4B Malaysia Cawangan Sungai Kerawai, Teluk Intan, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sementara itu, Singapura menyalahkan Malaysia berhubung kebuntuan rundingan isu semakan harga air mentah di bawah Perjanjian 1961 dan 1962.

"Adalah tidak betul untuk Malaysia menyatakan Singapura 'tidak menunjukkan keinginan untuk mencapai persetujuan mengenai air' sedangkan Singapura mahu membeli air dari Malaysia selepas 2061 apabila Perjanjian Air 1962 tamat jika harganya sesuai," kata jurucakap Kementerian Hal Ehwal Luar (MAF) republik itu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Beliau mengulas laporan The Straits Times semalam bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diwawancara pemberita asing

kelmarin, berkata Singapura tidak menunjuk keinginan menyelesaikan isu itu apabila menurunkan tawaran harga air kepada 12 sen bagi setiap 1,000 gelen daripada 45 sen yang ditawarkan sebelum ini.

Jurucakap MAF juga menegaskan Singapura bersedia membincangkan sebahagian pakej seperti pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor seperti diminta Malaysia.